

Newspaper	Berita Harian
Date	9 August 2015

Saya tak mahu pak turut: Najib

» Amalan 'yes man' sekat kebebasan pendapat berbeza dalam parti

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Norakmah Mat Youb
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak tidak mahu pemimpin parti menjadi 'yes man' atau pak turut.

Perdana Menteri bercita, amalan pak turut hanya akan mengekang kebebasan ahli memberikan pendapat, sekali gus tidak akan ada pendapat yang kontra atau berbeza dalam parti.

"Saya bukan Presiden yang mahukan semua meryadi 'yes man' (pak turut). Jika begitu keadaannya, kita tidak akan memperoleh pendapat yang kontra atau berbeza.

Boleh berbeza pendapat

"Pendapat berbeza boleh dibentangkan dalam mesyuarat. Boleh bertengkar, nak tumbuk meja pun boleh, cuma jangan sampai ke peringkat baling kerusi, tetapi bila parti sudah buat keputusan perlu ada 'collective responsibility' (tanggungjawab bersama)" katanya ketika perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bandar Tun Razak di sini, semalam.

Kelmarin, bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dilaporkan berkata beliau bukan seorang pak turut



Najib diiringi Ketua UMNO bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar melambai kepada perwakilan selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bandar Tun Razak di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO MUHD ZAARA ZAKERIA/BH)

dan tidak akan berundur daripada jawatan nombor dua UMNO itu.

Najib turut mencabar parti pembangkang mendedahkan sumber dana politik masing-masing sebelum mendesak UMNO berbuat demikian.

Beliau berkata, adalah tidak adil sekiranya parti pembangkang hanya meminta sebelah pihak membentangkan sumber dana politik.

"Kita bentang sama-sama. Saya bersedia setiap masa. Pembangkang minta kita bentang sumber dana politik kita sedangkan pada masa sama mereka syok aje terima. Pada pilihan raya mereka

ada juga poster, bendera berwarna-warni dan kenderaan pacuan empat roda digunakan... dari mana mereka peroleh dana?*" katanya.

Najib turut menekankan UMNO kini diserang pembangkang yang mencari serta mengada-adakan kesalahan pemimpin tertinggi parti.

"Saya diserang bukan kerana saya Najib, tetapi kerana saya adalah Presiden UMNO. Fitnah ditabur. Cerita tidak benar dan separuh benar disebar. Malah, ada ahli UMNO yang tumpang semangkuk, menjadi batu api dan tukang kipas.

"Justeru, semua ahli perlu

berkuasa seperti SPRM daripada ancaman ketika melakukan siasatan terhadap dana politik.

"Ia juga dapat memperkukuhkan SPRM, sekali gus anggotanya dapat bergerak lebih bebas dan dipercayai masyarakat tanpa dilihat dipengaruhi mana-mana pihak.

"Jumlah penerimaan dana juga perlu dihad dan didaftarkan bagi mengelakkan penyumbang dilihat seolah-olah mempunyai agenda lain," katanya.

Penganalisis politik Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Ismail Sualman, berkata pengubalan akta baharu itu perlu dibentangkan di Dewan Rakyat segera.

"Parti politik perlu menyokong usaha SPRM supaya sumber kewangan dibuat secara sah dalam undang-undang dan semua dana politik diterima perlu diaudit," katanya.

Tidak akan jual Malaysia
Sementara itu, menerusi akaun Twitter rasminya @NajibRazak, malam tadi, Najib menegaskan beliau tidak akan menjual Malaysia.

Perdana Menteri berkata setiap dana yang diterimanya hanyalah untuk kepentingan parti dan rakyat.

"Saya tidak akan jual negara. Setiap dana yang diterima hanyalah untuk kepentingan parti dan rakyatkatanya.

Terdahulu, Najib dalam kenyataan berasingan menerusi akaun Twitter sama berkata, kerعاan memberi jaminan melakukan apa sahaja bagi mengenal pasti punca nahas pesawat MH370.

"Saya memberi jaminan Malaysia tetap komited melakukan apa terdaya mencari kepastian apa terjadi kepada MH370," katanya.

mempunyai akaun Pacebook dan Twitter sekurang-kurangnya untuk berdepan medan pertempuran baharu politik," katanya.

^ementara itu, bekas Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr Mohd Tap Salleh, berkata cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) supaya akta baharu diwujudkan untuk menyasat parti yang menerima dana, bakal menjadikan pentadbiran negara lebih telus dan terbuka.

Beliau berkata, cadangan itu pernah dibangkitkan banyak pihak sebelum ini, namun tidak dipersetujui.

"Akta itu perlu segera diwujudkan untuk melindungi pihak